

Datuk Hj. Ramli bakal duta besar baru ke Arab Saudi

IPOH, Rabu — Bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Ramli Omar, dijangka dilantik sebagai duta Besar Malaysia yang baru ke Arab Saudi, demikian difahamkan hari ini.

Bellau akan menggantikan Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Mat Isa yang baru-baru ini dilantik semula ke jawatan lamanya sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah rombakan kabinet baru Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perlantikan itu difahamkan akan dibuat sekebalinya Datuk Seri Haji Kamaruddin dari Arab Saudi — sebaik selesai musim haji tahun ini pertengahan bulan depan.

Perdana Menteri difahamkan menerusi beberapa sumber, berniat melantik Datuk Haji Ramli yang juga Ahli Parlimen Barisan kawasan Bagan Serai sebagai pengganti Datuk Seri Haji Kamaruddin di luar negeri.

Datuk Ramli disebut-sebut sebagai layak memegang jawatan itu memandangkan perkhidmatan beliau kepada UMNO dan Kerajaan.

Mengetuai

Kalangan pemimpin UMNO di Perak ketika ditinjau pendapat mereka turut mengalu-alukan sebarang usaha Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Ketua Perhubungan UMNO Perak untuk melantik Datuk Ramli memegang jawatan tersebut.

Datuk Ramli sememangnya tidak asing lagi kepada UMNO Perak. Sebagai seorang tokoh veteran, beliau pernah memegang berbagai jawatan termasuklah mengetuai UMNO bahagian Bagan Serai selama 17 tahun sehingga tahun lalu.

Sebelum meletakkan jawatan selaku Timbalan Menteri berikutan rombakan kabinet oleh bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn tahun lalu, beliau pernah dilantik menjadi Setiausaha Perhubungan UMNO Perak selama tiga tahun di bawah pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak.

Antara tahun 1965 hingga 1970, Datuk Ramli pernah mengetuai pemuda UMNO Perak sewaktu Allahyarham Tun Razak menjadi Ketua Perhubungan UMNO Negeri.

Bergiat

Datuk Ramli mula-mula dilantik sebagai Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tahun 1972 dan dua tahun kemudian berpindah ke Kementerian Perhubungan.

Selepas pilihanraya umum 1974, beliau yang menang tak bertanding di kawasan Parlimen Bagan Serai dinaikkan pangkat menjadi Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan yang kemudian dikenali sebagai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Datuk Ramli yang kini masih menjadi Ketua UMNO cawangan Gunung Semang



■ DATUK HAJI RAMLI

gol mula bergiat cergas dalam politik sejak tahun 1947 sewaktu bahagian Bagan Serai belum diwujudkan.

Kita masih ingat ketika beliau menjadi "hero" mengiringi Tentara Merah Jepun (Japanese Red Army) yang menawan bangunan AIA di Kuala Lumpur menuju Libya ketika menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan sedikit masa dulu.

Ketika dihubungi di rumahnya, Datuk Ramli enggan mengulas cuma berkata: "Terpuanglah kepada pucuk pimpinan yang diketuai oleh Datuk Seri Dr. Mahathir. Saya akan hanya patuh kepada sebarang keputusan."

Juga difahamkan bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu sedikit sebanyak telah mengetahui mengenai ura-ura untuk melantik sebagai duta baru di Arab Saudi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia